

13 JANUARI 2022 (KHAMIS)

Sukarelawan KPLB bantu mangsa bah

Kerajaan komited teruskan Inisiatif Bantuan Banjir Keluarga Malaysia

Oleh Roselan Ab Malek
bhnews@bh.com.my

Lipis: Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menghantar 700 sukarelawan dan 100 pegawai untuk menjalankan kerja pembersihan rumah di kawasan Bentong dan Karak, minggu lalu.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I KPLB, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad, berkata langkah itu adalah an-

tara Inisiatif Bantuan Banjir Keluarga Malaysia yang dilaksanakan kerajaan bagi meringankan beban mangsa yang terjejas.

Selain Bentong dan Karak, beliau berkata, sukarelawan KPLB dan pegawai juga akan melaksanakan misi bantuan sama di Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor pada bulan ini sehingga suasana pulih.

"Selain membantu membersihkan kediaman mangsa, kita juga menghulur pelbagai bentuk bantuan lain, merangkumi barang makanan, peralatan memasak, selimut, kit penjagaan kesihatan serta baik pulih kenderaan dan peralatan elektrik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Kit Bantuan Mangsa Banjir di Dewan Tok Linggi, Kampung Relong Re-



Abdul Rahman (kiri) menyerahkan sumbangan pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kit Bantuan Mangsa Banjir di Dewan Tok Linggi, Kampung Relong, Lipis.
(Foto Facebook Kementerian Pembangunan Luar Bandar)

long, di sini.

Pada hari sama, sebanyak 1,050 kit bantuan juga diedarkan di tiga Dewan Undangan Negeri Kawasan (DUN), iaitu DUN Padang Tengku, Cheka dan Benta di kawasan Parlimen Lipis.

Abdul Rahman yang juga Ahli Parlimen Lipis berkata, MARA turut memberi kelonggaran bayaian balik pinjaman pendidikan dan perniagaan serta pengeluaran bayaran sewa premis perniagaan kepada yang terjejas.

Selain itu, beliau berkata, se-

takat ini, KPLB sudah mengenal pasti 1,879 unit rumah yang perlu dibalik pulih, manakala 165 rumah pula rosak teruk dan perlu dibina semula, di seluruh negara.

"Jumlah permohonan untuk membina rumah baharu mungkin bertambah memandangkan sehingga ini masih ada lagi laporan yang diterima oleh wakil rakyat dan Pejabat Daerah di kawasan terjejas banjir."

"Paling ketara kerosakan rumah yang sudah dan sedang da-

lam permohonan ialah di Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka.

"Kita menjanjikan peningkatan dari Johor juga, yang kini sedang mengalami musibah sama," katanya.

Sementara itu, penerima bantuan KPLB, Jamin Ngah, 75, dari Seberang Jerai, berterima kasih kepada KPLB yang menghulurkan sumbangan.

"Semua pakaian dan peralatan rumah kami rosak ditenggelami banjir," katanya.